

## *Meningkatkan Minat Membaca Murid Melalui Drama*

**Helmeleya Mohd Jamil**

helmeleya\_a@schools.gov.sg

**Nuraishah Mahmood**

nuraishah\_mahmood@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Huamin**

### *Abstrak*

Aktiviti membaca dapat meningkatkan rangsangan minda dan kemahiran berfikir secara analitikal. Usaha ini perlu disemai sejak usia awal lagi. Lantas, pakej bacaan telah direkayasa untuk meningkatkan minat membaca murid Darjah 2. Bagi meningkatkan lagi keseronokan membaca di dalam bahasa Melayu, peranti iPad dan aplikasi Cerita Rakyat Nusantara (CRN) terbitan Pusat Bahasa Melayu Singapura telah digunakan dalam pelajaran bacaan dalam bahasa Melayu. Pada masa yang sama, murid-murid juga didedahkan kepada teknik drama dan strategi pembelajaran kooperatif semasa aktiviti pembelajaran dijalankan. Melalui maklum balas yang dijalankan, strategi ini dapat mencetuskan keseronokan murid membaca.

Kata Kunci: kemahiran membaca, e-buku, aplikasi Cerita Rakyat Nusantara, keseronokan membaca



## PENGENALAN

Proses membaca bukan sahaja setakat memahami isi teks tetapi memerlukan penyertaan murid untuk menghayati kandungan hasil penulisan itu. Namun, murid tidak dapat menghayati jalan cerita hingga menimbulkan rasa kebosanan ketika membaca. Iser (1978) menyatakan bahawa pemahaman bagi sebuah karya sastera datangnya melalui interaksi antara pelibatan murid semasa membaca teks dengan pengalaman yang pernah mereka lalui dan sedia ada. Membaca bukan sahaja satu proses penerimaan yang pasif tetapi memerlukan tindak balas yang produktif. Menurut Iser lagi, cerita tidak boleh dihayati atau dinikmati hanya dengan aksi pernyataan yang eksplisit kerana teks biasanya mempunyai ruang di mana murid harus mengisi dan mengulas untuk mewujudkan "alam maya". Enciso (1999) menggambarkan murid yang terlibat dalam bacaan akan dapat melakonkan semula watak-watak dan membayangkan sesuatu persekitaran dan senario dengan bersungguh-sungguh. Hal ini menunjukkan bahawa murid yang kurang berminat untuk membaca tidak akan dapat menjiwai jalan cerita kerana idea mereka terikat hanya kepada teks secara luaran. Mereka tidak mencipta makna secara aktif ketika mereka membaca.

## PERNYATAAN MASALAH

Murid didapati tidak menghayati jalan cerita setiap kali mereka membaca buku. Mereka juga biasanya akan diminta untuk mengupas atau menggambarkan cerita di mana mereka tidak diajar atau mempunyai pengalaman untuk berbuat demikian. Pembaca yang baik yang merupakan *Engaged Readers* akan membaca dengan menghayati jalan cerita secara dramatik. Pembaca yang kurang berminat atau kurang mahir biasanya menganggap proses membaca sebagai satu proses pemahaman secara permukaan dan bukannya pencarian makna yang aktif.

Rosenblatt (1982) menegaskan bahawa membaca adalah satu pengalaman dan tugas guru yang utama ialah untuk menjadikan pengalaman itu sebagai sesuatu penghayatan kandungan secara mendalam. Oleh itu, guru ingin mengenalkan teknik drama dalam pembacaan untuk membantu pelajar menghayati watak dan membina gambaran yang akan membawa makna yang jauh melebihi perkataan-perkataan di dalam sesebuah buku.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1. meneliti keberkesanan pelaksanaan teknik drama dan pembelajaran kooperatif dalam meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid; dan
2. meningkatkan keseronokan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## **KAJIAN LEPAS**

Beberapa kajian lepas yang menggunakan drama dalam pengajaran telah ditinjau sebelum kajian ini dijalankan. Wilhelm (2008) menukil kajian yang dilaksanakan oleh Hansen (1981) dan Langer (1984). Kajian tersebut menyatakan bahawa penyertaan aktif murid melalui penggunaan drama dan bahan-bahan maujud akan mencipta konteks untuk pemahaman yang mendalam dan penciptaan makna yang terperinci. Ini terhasil kerana skema latar dicipta sebagai aspek asas dalam pembacaan yang mahir.

Kajian yang dijalankan oleh Gambrell dan Bales (1986) pula mendapati, pembaca yang lemah tidak akan menggunakan imejan mental secara spontan sebagai strategi. Oleh itu, teknik membaca secara biasa akan menghalang pembaca ini dari menyertai dunia cerita.

Saltz dan Johnson (1974) menyatakan bahawa para pengkaji telah menunjukkan bahawa kanak-kanak yang melakonkan semula sesebuah cerita lebih berupaya untuk menggabungkan dan mengintegrasikan peristiwa-peristiwa dalam cerita tersebut berbanding dengan kanak-kanak yang berada di dalam kumpulan membaca. Melakonkan Semula Cerita Secara Dramatik atau *Dramatic Story Reenactment* (DSR) juga meningkatkan rasa ingin tahu tentang sesuatu bahan kesusasteraan sebelum pembacaan secara kendiri bermula. (McMaster, 1998)

Kajian-kajian terdahulu ini sedikit sebanyak telah membantu dalam perancangan dan pelaksanaan kajian ini.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian yang dijalankan merupakan kajian awal. Kajian ini melibatkan pencerapan sekumpulan guru-guru ke atas proses Pengajaran dan Penbelajaran (PdP) bagi kemahiran membaca yang menggunakan e-buku dan teknik drama sebagai bahan pembelajaran.

Maklum balas yang diperoleh menerusi proses pencerapan telah dikumpulkan dan dibincangkan selepas pelajaran dijalankan. Perbincangan berfokus pada penambahbaikan pembelajaran murid. Data dari jawapan murid juga memberi maklumat kepada guru tentang hasil pembelajaran mereka.

Beberapa elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) telah diterapkan dalam kajian ini. Sila rujuk Jadual 1.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 14: Merangsang minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan 1. Cerita dan imejan merupakan aktiviti utama dalam aktiviti mengajar. 2. Penggunaan cerita yang terdapat dalam Aplikasi CRN dan penyediaan topeng-topeng yang berdasarkan watak di dalam cerita dapat membantu murid melakonkan semula cerita yang dibaca.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM4: Kongsi Pembelajaran Saya Pengkaji menggunakan dua soalan dalam memantau proses bacaan murid. 1. Pada pendapat kamu, cerita ini mengenai apa? 2. Apakah yang sedang dilakukan oleh serigala dengan keldai? Dua soalan juga telah digunakan pengkaji untuk memantau penutup pelajaran bagi memantau pemahaman murid. 1. Apakah yang telah kamu pelajari? 2. Adakah pelajaran ini menarik? Mengapa?
Penerangan dan Justifikasi	Cerita dan imejan yang digunakan dapat membantu murid melakonkan semula cerita yang dibaca. Sepanjang pelajaran, murid menjadi semakin berminat dengan penggunaan imejan yang bergerak. Untuk menguji sejauh mana murid telah memahami tujuan pembelajaran sebenar, soalan-soalan mudah yang diajukan dapat membantu murid dalam pembelajaran dan pengkaji dapat memantau sejauh mana pelajaran ini berkesan.	

## **Subjek Kajian**

Kajian ini melibatkan 47 orang murid Darjah 2 yang merupakan gabungan murid melebihi aras kebolehan (HP), pada aras kebolehan (MP) dan di bawah aras kebolehan (LP). Pada puratanya, murid-murid ini sudah boleh membaca. Mereka juga telah didedahkan kepada peranti iPad dan e-buku.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada strategi pengajaran secara eksplisit untuk melaksanakan teknik drama, pembelajaran kolaboratif untuk menggalakkan murid menjana idea dalam perbincangan, Pengajaran Pembezaan (*Differentiated Instructions*) dalam menyampaikan pengajaran dan hasil kerja murid yang berbeza (*differentiated product*).

Strategi pengajaran secara eksplisit untuk melaksanakan teknik drama dijalankan pada awal pengajaran. Guru menggalakkan murid-murid untuk membaca e-buku dengan ekspresi dan gaya yang dimodelkan oleh guru.

Teknik pembelajaran kooperatif digunakan dalam pengajaran, khususnya, Berfikir-Berpasang-Berkongsi dan *Popping Popcorn*. Strategi Berfikir-Berpasang-Berkongsi digunakan pada awal pengajaran. Murid harus berbincang dengan pasangan mereka untuk meneka tajuk cerita e-buku yang akan dibacakan oleh guru. Kemudian, murid harus berkongsi perbincangan mereka itu dengan rakan-rakan sekelas. Pembelajaran Pembezaan digunakan oleh guru untuk menyediakan pengajaran lebih sesuai dengan profil murid di dalam kelas. Setiap kumpulan terdiri daripada murid yang berkeupayaan berbeza-beza iaitu daripada golongan HP, MP dan LP.

Lembaran kerja aktiviti kumpulan merupakan dialog daripada cerita ‘Keldai dan Serigala’. Guru menambah tempat kosong pada bahagian tengah dan akhiran dialog itu supaya murid dapat bekerja secara kumpulan untuk mengarang akhiran cerita yang berbeza dan unik. Langkah ini menggalakkan murid untuk berfikir lebih mendalam tentang cerita yang mereka baca.

## **Prosedur Kajian**

Kajian ini merupakan kajian awal dan dijalankan oleh guru Darjah 2. Perbincangan pascapembelajaran dijalankan bersama Guru Kanan, Ketua Subjek dan Guru Pakar supaya guru dapat menganalisis langkah-langkah yang perlu diperbaik dalam pengajaran tersebut dan diterapkan dalam pelajaran seterusnya. Strategi untuk proses pembelajaran direka menggunakan teknik drama dan pembelajaran kooperatif sebagai langkah untuk meningkatkan

mutu PdP. Kajian ini juga memanfaatkan e-buku bagi meningkatkan minat murid dalam membaca. Hal ini sejajar dengan profil murid yang merupakan pribumi digital.

Guru pengkaji telah mendedahkan murid kepada pelajaran menggunakan e-buku sebelum pelajaran dijalankan bagi meningkatkan minat murid dalam membaca melalui teknik drama dijalankan. Murid telah didedahkan kepada cerita-cerita dari Aplikasi CRN. Antaranya ialah ‘Sang Kancil dan Buaya’. Cerita Rakyat Nusantara ialah aplikasi e-buku yang menyediakan enam koleksi cerita rakyat dari rantau ini. Objektif aplikasinya adalah untuk menggalakkan murid membaca dengan cara yang menyeronokkan. E-buku dipilih menjadi bahan bacaan kerana guru memerhatikan minat dan kecenderungan murid dalam ICT. Oleh sebab itu, guru menggunakan e-buku sebagai bahan pembelajaran pada bahagian pengenalan untuk menarik minat murid dalam pelajaran membaca.

Bagi kajian ini, guru membuat pengenalan dengan menunjukkan murid urutan pelajaran. Guru kemudian menayangkan gambar serigala dan keldai kepada murid dan mengajak mereka berbincang dengan menggunakan strategi pembelajaran kooperatif Berfikir-Berpasanag-Berkongsi untuk membincangkan cerita yang mereka pernah dengar mengenai serigala dan keldai. Murid akan menggunakan strategi pembelajaran kooperatif *Popping Popcorn* untuk menyumbangkan idea mereka.

Sebagai langkah pertama, guru bertanya kepada murid sama ada mereka pernah membaca e-buku bertajuk ‘Keldai dengan Serigala’. Guru kemudian akan memperkenalkan cerita tersebut kepada murid. Guru bertanya beberapa soalan kepada murid:

1. Pada pendapat kamu, cerita ini mengenai apa?
2. Apakah yang sedang dilakukan oleh serigala dengan keldai ini?

Setelah itu, guru memberi contoh bacaan e-buku kepada pelajar. E-buku dimainkan buat kali pertama. Pada kali kedua, guru membaca e-buku sambil melakukan gaya dan ekspresi. Murid diarahkan untuk berdiri dan mengikuti aksi dan ekspresi guru semasa membaca e-buku itu bersama-sama. Langkah ini mengambil masa selama dua puluh minit.

Pada aktiviti kedua, murid dikehendaki bekerja secara kumpulan untuk melakonkan cerita ‘Keldai dengan Serigala’. Guru memberikan arahan untuk murid melaksanakan aktiviti berlakon. Setiap kumpulan terdiri daripada enam orang murid. Dalam setiap kumpulan, pembahagian watak adalah

seperti berikut: setiap dua orang murid melakonkan watak, Keldai, Pencerita dan Serigala.

Pembahagian watak dilakukan secara demikian kerana guru menerapkan Pembelajaran Pembezaan dalam aktiviti kumpulan memandangkan profil murid untuk kajian ini terdiri daripada kebolehan yang berbeza. Murid diberikan skrip dan topeng watak. Murid harus mewarnakan topeng watak mereka di rumah dan membawa topeng itu ke kelas pada hari kedua.

Lembaran kerja untuk aktiviti kumpulan merupakan dialog daripada e-buku di mana terdapat dua tempat kosong pada bahagian isi dan akhir cerita. Murid harus bekerjasama dengan ahli kumpulan mereka untuk melengkapkan tempat kosong itu dengan dialog yang kreatif dan sesuai. Oleh sebab langkah ini mengambil masa selama 60 minit, guru membahagikan langkah ini kepada dua bahagian. Murid diberikan 30 minit untuk berbincang secara kumpulan mengenai aktiviti ini. Bahagian kedua pula dilakukan pada hari kedua selama 30 minit. Murid juga digalakkan untuk berlatih berlakon di rumah menggunakan skrip yang mereka siapkan secara kumpulan.

Pada hari kedua, guru mengimbas kembali pelajaran hari pertama supaya murid dapat membina pengetahuan berdasarkan pengetahuan sedia ada. Guru kemudian memberi semua kumpulan masa untuk meneruskan perbincangan dan berlatih berlakon.

Bagi aktiviti ketiga, murid dikehendaki membuat persembahan secara kumpulan berdasarkan latihan dan perbincangan yang telah dijalankan pada hari pertama dan kedua. Setiap kumpulan diberikan 6 minit untuk melakukan persembahan. Tiga kumpulan yang menunjukkan persembahan terbaik berserta akhiran cerita yang menarik akan memenangi hadiah.

Sebagai penutup, guru mengajak murid berkongsi pendapat mereka mengenai pelajaran itu menerusi strategi *Popping Popcorn*. Guru mengajukan soalan-soalan berikut kepada murid:

1. Apakah yang telah kamu pelajari?
2. Adakah pelajaran ini menarik? Mengapa?

Setelah itu, guru membuat rumusan mengenai pelajaran pada hari itu dan menggalakkan murid untuk terus rajin membaca.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah kajian dijalankan, guru-guru duduk berbincang bersama Guru Kanan dan Ketua Subjek untuk menganalisis pelajaran tersebut dari segi proses, reaksi murid dan juga hasil kerja murid. Data yang didapati berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif berdasarkan pemantauan guru manakala kuantitatif berdasarkan data yang terdapat daripada hasil kerja murid. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kajian telah berjaya meningkatkan minat murid dalam membaca. Dari segi kekuatan pelajaran, semua guru bersetuju bahawa murid berasa seronok bermula daripada tahap langkah pengenalan pengajaran. Suasana PdP santai dan kondusif untuk murid belajar. Penayangan gambar keldai dan serigala telah menarik minat murid tentang pelajaran pada hari itu. Penggunaan rutin berfikir Berfikir-Berpasang-Berkongsi dan strategi pembelajaran *Popping Popcorn* telah membuat murid berasa yakin untuk berkongsi hasil perbincangan mereka.

Keseronokan pembelajaran dapat dilihat dengan jelas daripada penyertaan murid dalam melakonkan aksi dan ekspresi apabila membaca e-buku bersama guru. Guru menjelaskan pelaksanaan teknik drama secara eksplisit apabila guru membaca e-buku sambil memodelkan kepada murid aksi dan reaksi keldai dan serigala. Dalam langkah ini, guru telah menunjukkan kepada murid ekspresi yang diharapkan. Contohnya, guru akan melakukan aksi dan ekspresi wajah yang marah apabila serigala sedang marah dan aksi menendang apabila keldai yang dalam ketakutan ingin melarikan diri daripada serigala. Setiap murid daripada kumpulan kebolehan yang berlainan berjaya menghayati cerita ‘Keldai Dengan Serigala’ melalui bacaan bersama. Mimik muka murid jelas kelihatan gembira apabila melakukan aktiviti ini. Guru telah berjaya menggunakan pengajaran eksplisit dengan baik dalam menerapkan unsur-unsur drama menggunakan strategi main peranan dan sekaligus menggalakkan murid untuk membaca.

Strategi pembelajaran kooperatif untuk menggalakkan murid menjana idea semasa perbincangan kelas didapati efektif. Murid didapati yakin mengutarakan pendapat mereka menggunakan teknik Berfikir-Berpasang-Berkongsi dan *Popping Popcorn* pada bahagian pengenalan dan juga penutup. Sebagai contoh, untuk bahagian penutup, apabila guru mengajukan soalan “Apakah yang telah kamu pelajari?” dan “Adakah pelajaran ini menarik? Mengapa?”, murid memberikan jawapan seperti berikut:

## Jadual 2: Maklum Balas Murid: Apakah yang Telah Kamu Pelajari?

Nombor	Jawapan Murid
1	Saya belajar kita harus berbuat baik dengan semua orang.
2	Saya belajar tentang drama.
3	Saya suka berlakon dengan kawan-kawan.
4	Saya suka watak serigala.
5	Saya seronok berlakon dengan kawan-kawan.

## Jadual 3: Maklum Balas Murid. Adakah Pelajaran ini Menarik? Mengapa?

Nombor	Jawapan Murid
1	Ya, saya dapat berlakon dengan kawan-kawan.
2	Cerita ini sangat menarik.
3	Ya, saya boleh menjadi pencerita.
4	Ya, saya boleh menjadi serigala.
5	Ya, pelajaran ini menarik. Saya suka cerita ini.

Pembelajaran Pembezaan yang diterapkan dalam PdP didapati sangat berkesan. Semasa aktiviti kumpulan dijalankan, murid yang terdiri daripada pelbagai aras kebolehan harus bekerjasama secara berkumpulan untuk melakonkan cerita ‘Keldai Dengan Serigala’. Murid didapati bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti lakonan itu. Walaupun terdapat murid yang lemah dalam bacaan atau bersifat pemalu, hampir semua murid dapat melakukan persembahan dengan ahli kumpulan mereka. Guru-guru berpendapat bahawa strategi memberikan tugas secara berpasangan untuk setiap watak adalah efektif untuk meningkatkan keyakinan diri mereka apabila berlakon. Strategi ini membolehkan murid yang lebih yakin untuk membantu murid yang agak lemah dan kurang yakin. Pembelajaran kolaboratif seperti ini meninggalkan kesan yang positif dalam diri murid kerana mereka dapat bekerjasama untuk mencapai objektif pembelajaran bersama dalam suasana yang kondusif. Hal ini menjadikan murid berasa seronok apabila melakukan aktiviti secara berkumpulan.

Setiap murid diberikan topeng watak supaya mereka dapat mewarnakannya di rumah. Langkah ini memberikan mereka *sense of ownership*. Guru mendapati murid seronok menunjukkan topeng yang telah mereka warnakan kepada rakan sedarjah. Selain itu, guru juga telah menerapkan penggunaan Pembelajaran Pembezaan. Pada hari kedua, murid kelihatan amat seronok berlakon dengan memakai topeng watak yang berwarna-warni.


Hasil kerja murid juga berbeza. Lembaran kerja aktiviti kumpulan telah dikosongkan pada bahagian isi dan juga pengakhiran supaya murid dapat bekerjasama secara kumpulan untuk pengisian yang kreatif dan sesuai. Setiap kumpulan telah menghasilkan penceritaan yang berbeza-beza. Hal ini terjadi kerana terdapat pemikiran secara kolaboratif dalam setiap kumpulan. Untuk pengakhiran cerita, setiap kumpulan telah membina pengakhiran cerita secara sendiri.

#### Jadual 4: Pengakhiran Cerita oleh Murid

Kumpulan	Pengakhiran Cerita oleh Murid
1	<b>Pencerita:</b> Keldai itu pun meninggalkan padang itu dan tinggal di kawasan lain.
2	<b>Serigala:</b> Keldai itu kuat. Saya tidak boleh makan keldai itu.
3	<b>Pencerita:</b> Keldai amat gembira kerana dia dapat menyelamatkan dirinya.
4	<b>Serigala:</b> Saya mesti makan dia.
5	<b>Keldai:</b> Ha...ha...ha, serigala itu pun tidak dapat kejar saya lagi.
6	<b>Serigala:</b> Saya menyesal kerana saya tidak sepatutnya makan kawan saya.

Pengakhiran cerita tersebut menunjukkan pemikiran yang agak terperinci. Dengan pendekatan ini, murid-murid dapat mengakhiri cerita dengan beberapa cara. Guru menggunakan kaedah pemikiran aras tinggi, HOTS yang menggalakkan murid mencipta dialog sendiri. Guru kagum dengan kebolehan murid Darjah 2 mencipta dialog sendiri. Hal ini menunjukkan murid dapat memberikan reaksi yang berbeza dalam proses pembelajaran. Murid diberikan peluang untuk memilih sama ada mereka mahu mengakhiri cerita dengan memberikan tumpuan pada watak keldai, serigala atau pencerita. Rajah 1 menunjukkan carta peratusan pemilihan akhir cerita bagi setiap kumpulan, iaitu Keldai (1 kumpulan), Pencerita (2 kumpulan) dan Serigala (5 kumpulan). Hal ini menunjukkan bahawa murid-murid lebih tertarik pada serigala kerana dari segi watak serigala itu kuat.

**Rajah 1: Watak-watak Popular Pilihan murid**



## **KESIMPULAN**

Setelah kajian dijalankan, semua guru berbincang dan membuat renungan bersama dengan Guru Kanan dan juga Ketua Subjek. Para guru bersetuju bahawa kajian ini telah berjaya meningkatkan minat murid dalam membaca. Teknik lakonan telah berjaya menjadikan PdP lebih seronok kepada murid. Melalui lakonan, murid mendapati cerita ‘Keldai dengan Serigala’ tidak statik.

Selain daripada kekuatan, terdapat juga perkara-perkara yang perlu diperbaik. Guru Kanan berpendapat bahawa guru harus membuat penutup yang padat pada hari pertama. Walaupun tidak kecukupan masa, guru harus cuba menutup pelajaran dengan merumus setiap pelajaran supaya dapat memantau dan menilai pembelajaran murid.

Penggunaan Aplikasi CRN telah menimbulkan keseronokan kepada murid apabila membaca kerana mereka merupakan pribumi digital. Murid seronok membaca dan lebih minat dalam pembacaan. Namun, pasukan pengkaji masih perlu berbincang dengan lebih lanjut mengenai cara untuk mempelbagaikan strategi drama supaya lebih menyeronokkan.

Bagi usaha seterusnya, para guru bercadang untuk memanfaatkan strategi ini dengan e-buku yang lain dalam Aplikasi CRN. Selain itu, para guru

juga berharap untuk meluaskan penggunaan e-buku dalam Program Bacaan Luas tahun 2019 untuk semua kelas Darjah 1 dan 2. Kajian ini boleh dilanjutkan pada tahun 2019 untuk memantapkan lagi semua proses.

## RUJUKAN

- D.Wilhelm, Jeffrey. (2016). *You gotta be the book*. Teachers College Press.
- Enciso, P. (1990). *The nature of engagement in reading*. PhD diss. Ohio State University.
- Gambrell, L.B., & Bales, R.J. (1986). *Mental imagery and the comprehension Monitoring Performance of fourth-And fifth-grade poor readers*. Reading Research Quarterly, 21(4), 454-464.
- Iser, W. (1978). *The Act of Reading: A Theory of Aesthetic Response*. Baltimore, MD: The Johns Hopkins University Press.
- McMaster, J. C. (1998). *Doing literature: Using drama to build literacy*. The reading teacher, 51(7), 574-584. [EJ 562 451]
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Rosenblatt, L. M. (1982). *The literary transaction: Evocation and response. Theory into Practice*, 21(4), 268-277.
- Saltz, E., & Johnson, J. (1974). *Training for thematic-fantasy play in culturally disadvantaged children: Preliminary results*. Journal of Educational Psychology, 66, 623-630. [EJ 275 518]
- Wilhelm, J. D. (2008). *You gotta be the book: Teaching engaged and reflective reading with adolescents*. New York: Teachers College Press.